

Headline **Kolej Risda terus gah**
Date **14. Apr 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Supplement**
Circulation **336603**
Readership **2192000**

Language **MALAY**
Page No **7**
Article Size **282** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Kolej Risda terus gah

Buka peluang pelajar jadi usahawan tani, profesional pertanian



DALAM Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), sektor pertanian akan dipergiat sebagai jentera ketiga pertumbuhan ekonomi dengan penumpuan kepada pendekatan baru melalui pertanian komersial berskala besar, penggunaan teknologi terkini lebih meluas dan pengeluaran komoditi berkualiti.

Kolej Risda menyediakan peluang kepada pelajar melanjutkan pelajaran sebagai usahawan tani dan tenaga

profesional pertanian melalui tiga program, iaitu Diploma Pertanian dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), Diploma Pengurusan Ladang dan Pra-Diploma Sains dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UTM).

Diploma Pengurusan Ladang dan Pra-Diploma Sains sebagai saluran kepada Diploma Pengurusan Ladang akan bermula pada sesi pengambilan pelajar Julai 2008.

Pra-Diploma Sains dirangka khusus kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang tidak memenuhi syarat bagi mengikuti Diploma Pengurusan Ladang.

Kedua-dua program terbabit

mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi dan dalam proses untuk mendapatkan kelulusan penuh daripada Lembaga Kelayakan Malaysia (MQA).

Graduan yang dilahirkan akan diiktiraf universiti terbabit, sekali gus melayakkan mereka melanjutkan pelajaran di pelbagai institusi pengajian tinggi.

Kolej Risda juga sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi bagi kursus baru dalam bidang pertanian, seperti program Diploma Pengurusan Landskap & Hortikultur dan Diploma Kesihatan Haiwan & Penternakan.

Selain ketiga-tiga program yang dikendalikan di kampus

utama Kolej Risda di Ayer Pa'abas, Melaka, institusi terbabit menawarkan pelbagai program diploma dan pra-diploma seperti Diploma Sains Komputer (UPM), Diploma Pengurusan Perniagaan (UPM), Diploma Perakaunan, Diploma Keusahawanan, Pra-Diploma Sains Komputer dan Pra-Diploma Pengurusan Perniagaan.

Kampus berkonsepkan panoramik, dikelilingi pepohon menghijau, lengkap dengan kemudahan bagi pengajaran dan pembelajaran serta kawasan ladang yang luasa untuk latihan amali dan tersedia kelengkapan seperti jentera dan peralatan pertanian, makmal sains termasuk sains tumbuhan dan

tanah, perpustakaan dan makmal komputer.

Kolej Risda adalah satu-satunya institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang mengendalikan kursus pertanian pada peringkat

diploma setakat ini.

Mengikut keputusan peperiksaan semester 2007 baru-baru ini, pelajar program Diploma Pertanian kolej terbabit muncul pelajar terbaik IPTS.



PELBAGAI...projek ternakan ikan air tawar memberi pulangan lumayan.